

→ IMBASAN 2016

Peningkatan kes senjata api, bunuh, nahas jalan raya membimbangkan



BH
22/12/16
mls-11

[FOTO HIASAN]



Mohd Iskandar Ibrahim

mohd_iskandar@bh.com.my

Pasukan polis forensik menjalankan siasatan di lokasi kejadian tembak yang mengakibatkan dua orang maut di tempat kejadian di Jalan Kolum, Luyang, Kota Kinabalu pada 15 April lalu.

Amukan seorang pengawal peribadi bukan sahaja membunuh majikannya, malah dua orang awam lain dalam tembakan rambang di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Pulau Pinang pada 1 Disember lalu, antara kes jenayah menggemparkan negara sepanjang 2016.

Kejadian pada jam 7.30 malam itu turut menyebabkan lima lagi cedera akibat terkena tembakan dilepaskan suspek berusia 35 tahun yang dipercayai mengalami masalah mental. Antara yang cedera termasuk jurukamera sambilan RTM Pulau Pinang, Mohamad Amirul Amin Amir, 27, yang terkena satu das tembakan pada bahu kiri serta seorang kakitangan wanita Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bayan Baru, dikenali sebagai Nurul Huda.

Berdasarkan maklumat awal, suspek dikatakan menembak majikannya yang berstatus Datuk itu ketika di dalam kereta, sebelum seorang lagi yang berada di dalam kenderaan sama melarikan diri menyebabkan suspek mengejar lelaki terbabit sambil melepaskan beberapa das tembakan lagi yang terkena pada orang awam.

Selain kes pengawal peribadi mengamuk, kes penggunaan senjata api yang menggemparkan sepanjang 2016 ialah pembunuhan empat sekeluarga di kilang memproses ayam di Batu Maung, Pulau Pinang oleh ahli keluarga sendiri pada 13 Julai lalu, gara-gara

ketagihan syabu.

Dalam kejadian pada jam 2.55 pagi itu, suspek, Chung Chun Wah, 32, dikatakan bertengkar dengan ibunya, Tan Saw Sim, 55, dan pasangannya ibunya yang juga pemilik kilang, Toh Hock Choon, 50, selepas mereka enggan memberinya wang bagi membeli dadah.

Miliki rekod jenayah lampau

Suspek yang mempunyai beberapa rekod jenayah lampau kemudian bertindak melepaskan 11 das tembakan dengan enam peluru mengenai ibunya dan Hock Choon; serta adiknya, Chung Wah Thong, 27, dan anak Wah Thong yang berusia dua tahun dikenali sebagai Ah Bee.

Kes lain membabitkan penggunaan senjata api ialah kematian seorang pemberi pinjaman wang yang ditembak di persimpangan lampu isyarat Jalan Danau Kota, Setapak pada 27 Julai lalu, dipercayai berpunca daripada perang kongsi gelap. Dalam kejadian jam 3.35 petang itu, dua lelaki membongceng dua motosikal dan memakai topi keledar penutup muka melepaskan 16 das tembakan ke arah mangsa ketika kereta Honda Accord dipandunya berhenti di lampu isyarat persimpangan Danau Kota-Jalan Genting Klang.

Lebih menggemparkan, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kejadian itu turut tersebar di laman sosial sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang awam.

Negara turut digemparkan insiden serangan bom tangan di sebuah pusat hiburan di Bandar Puchong Jaya, Puchong, pada 28 Jun lalu yang mencederakan lapan pengunjung, dilakukan anggota kumpulan militan Daesh. Serangan pada jam 2.15 pagi dipercayai didalangi empat lelaki tempatan itu dilakukan atas arahan seorang anggota Daesh warga Malaysia yang kini berada di Syria, dikenali sebagai Muhammad Wanndy Mohamed JEDI.

Susulan serangan itu, Bahagian Antikeyanasan Cawangan Khas Bukit Aman (E8) menerusi operasi khas selama tiga hari di Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Pulau Pinang, berhasil menahan 15 individu termasuk dua anggota polis, selain memburu dua lagi suspek yang sudah dikenal pasti.

Kes menyayat hati

Tahun 2016 juga menyaksikan kes jenayah menyayat hati membabitkan bayi lelaki berusia tujuh bulan dan kakaknya dipercayai menjadi mangsa bunuh yang mayat mereka ditemui hampir reput dalam dua bekas plastik di sebuah unit pangsapuri di Taman Sri Sinar, Segambut pada 26 September lalu.

Mayat Cheah Kai Wen dan Cheah Kai Sze, 3, ditemui bersama mayat bapa mereka, Cheah Hing Soon, 34, pada jam 12 tengah hari.

Kedua-dua mayat itu, masing-

masing disusut dalam bekas plastik yang ditutup kain dalam sebuah bilik, manakala mayat Hing Soon ditemui terbaring dalam bilik tidur utama dengan semua mangsa dipercayai meninggal dunia kira-kira tiga hari sebelum ditemui.

Berikutan penemuan mayat tiga beranak itu, polis menahan isteri mangsa berusia 35 tahun yang juga ibu kanak-kanak berkenaan bagi membantu siasatan.

Selain kes jenayah, tahun 2016 mencatatkan tragedi kepada sebuah keluarga yang bercuti di Terengganu selepas enam maut, manakala empat lagi parah dalam nahas ngeri di Kilometer 288.6 Lebuhraya Pantai Timur 2, berhampiran susur keluar Plaza Tol Chukai, Kemaman pada 11 Disember lalu.

Kejadian pada jam 6.10 petang itu dipercayai berlaku apabila kereta Hyundai Starex dinaiki 10 mangsa ke arah Kuala Terengganu hilang kawalan sebelum terbabas dan melanggar tiang pembahagi jalan di situ. Mangsa yang meninggal dunia ialah pasangan suami isteri yang juga penumpang kereta, Pauziyah Awang, 56; suaminya, Ahmad Razi Abdul Rahman, 63; dan cucu mereka, Sofea Adrianna Shahrudin, 7, dari Seksyen 17, Shah Alam, Selangor. Tiga lagi mangsa ialah Mahani Ngah, 42, dari Kampung Guar, Koding, Kedah dan dua anaknya, Quratulnisa Ahmad Nasal, 11, dan Ahmad Nijat, 9.